



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Blog dapat sambutan

BAGAIMANAKAH cara untuk menjadikan sesebuah blog itu dikunjungi oleh ramai orang?

- **ALONG, Klang.**

Terima kasih. Secara umumnya, dua aspek paling penting dalam pembangunan blog agar dikunjungi oleh ramai orang adalah kandungannya dan promosi. Seterusnya dibincangkan beberapa perkara lebih spesifik yang boleh digunakan untuk meningkatkan jumlah pengunjung bagi sesebuah blog.

Perkara yang paling penting dalam sesebuah blog adalah pembangunan isi kandungannya. Pastikan isi kandungan bagi sesebuah blog itu menarik, unik, mudah difahami, maklumat terkini dan dapat membantu para pengunjung blog dalam sesesuatu perkara. Sekiranya perlu, dapatkan kata nasihat atau saranan daripada pakar dalam sesuatu bidang atau isu berkaitan.

Pastikan laman web blog yang dibangunkan itu mudah untuk dibuat carian dalam laman web enjin carian yang utama seperti Google, Bing dan lain-lain. Belajar dan gunakan teknik carian tertentu untuk mendapatkan hasil carian terbaik bagi blog tersebut. Teknik carian menggunakan laman web enjin carian ini dikenali sebagai SEO (*Search Engine Optimization*).

Penggunaan kandungan bersifat visual seperti penggunaan gambar, video, animasi dan lain-lain yang bersesuaian dan tidak melampau dalam blog. Sekeping gambar berupaya menyampaikan banyak perkara kepada pengunjung berbanding penulisan teks. Ada satu konsep menarik yang boleh digunakan dalam blog iaitu pembangunan info grafik bagi sesuatu perkara.

Bina rantaian sosial atau hubungan dengan ramai orang yang berpotensi menjadi pengunjung blog secara realiti atau fizikal terutama untuk sesuatu bidang. Setelah itu hubungan tersebut boleh diperkukuhkan dengan penggunaan media sosial.

Perlu dikenal pasti dengan betul siapa sasaran pengunjung yang akan membaca dan melawat ke laman web blog tersebut. Seterusnya penyediaan isi kandungan blog perlu sesuai dan berpadanan dengan keperluan dan kehendak sasaran pengunjung blog.

Lakukan promosi komunikasi satu ke satu dengan sasaran pengunjung blog yang berpotensi dengan menggunakan teknologi seperti e-mel, media sosial dan lain-lain.

Maksimumkan penggunaan media sosial dalam mempromosi atau memaparkan kandungan sesebuah laman web. Secara peribadi, ia menjadi satu kewajipan atau kemestian kerana sekiranya sesebuah laman web blog itu tidak disandarkan kepada sesebuah media sosial, ia akan menjadi mati.

Penggunaan teknik pemasaran yang berkesan dengan menggunakan pelbagai jenis media dan sebagainya.